

**NUCC Kemuka Laporan Awal Kepada PM Julai
Bernama
Mei 18, 2014**

KUALA LUMPUR, 18 Mei (Bernama) -- Majlis Perundingan Perpaduan Nasional (NUCC) merancang mengemukakan kepada Perdana Menteri Julai depan Laporan Awal berhubung hasil tinjauan Dialog Perpaduan dan laporan status kemajuan usaha ke arah penggubalan Rangka Rancangan Perpaduan Nasional.

Timbalan Pengerusinya, Tan Sri Lee Lam Thye berkata NUCC telah berjaya mengendali 18 sesi Dialog Perpaduan di seluruh negara dengan penyertaan sejumlah 5,530 orang sehingga ini selepas tempoh lima bulan ia dilancarkan.

"1,159 daripada mereka memberi komen dengan menulis jawapan kepada daftar soalan dan 512 orang bercakap pada sesi dialog.

"Matlamatnya untuk mendengar suara peringkat akar umbi sebagai rakyat biasa pada pertemuan-pertemuan terbuka," katanya dalam satu kenyataan di sini Ahad.

Menurut kenyataan itu, NUCC mengadakan mesyuarat penuh buat kali ketiga semalam (17 Mei) dipengerusikan oleh Tan Sri Samsudin Osman.

"Di mesyuarat ini, kami meneliti tugas-tugas yang telah dicapai setakat ini oleh majlis dalam tempoh lima bulan sejak 25 Nov, 2013 ketika perdana menteri Datuk Seri Najib Tun Razak melancarkan NUCC," kata Lee.

Beliau berkata NUCC mengalu-alukan organisasi dan kumpulan yang belum menyertai dialog dan perbincangan, untuk berbuat demikian dan memberikan cadangan dan perakuan ke arah memperkukuh perpaduan nasional, persefahaman sosial dan penyatuan nasional.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1039169>